Ng Ah Kwan dan satu lagi lwn Lu Yoh Yin

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — GUAMAN SIVIL NO 22-45 TAHUN 1999
RAMLY ALI PK
19 SEPTEMBER 2001

Acara Sivil *— Saman minta arahan — Kelewatan dalam membuat permohonan — Saman difailkan melebihi satu bulan dari tarikh pliding ditutup — Pengiraan tarikh tempoh satu bulan — Sama ada kelewatan disebabkan oleh kesengajaan atau kedegilan plaintif — Pemakaian budi bicara mahkamah — Saman dikembalikan lewat oleh registri mahkamah — Sama ada kegagalan plaintif memberikan notis perbicaraan dalam tempoh yang ditetapkan boleh dimaafkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 3 k 6, A 25 k 1(1), A 34 kk 7 & 8*

Plaintif-plaintif telah memfailkan writ saman dan penyata tuntutan terhadap defendan antara lainnya memohon perintah perlaksanaan spesifik berdasarkan satu perjanjian lisan. Writ saman tersebut telah diserahkan kepada defendan dan defendan telah memfailkan penyata pembelaan. Plaintif-plaintif (tanpa khidmat peguam) telah memfailkan jawapan kepada penyata pembelaan itu pada 2 Mac 2000 dan memfailkan saman minta arahan pada 11 April 2000. Saman minta arahan tersebut hanya dikeluarkan oleh Registri Mahkamah kepada plaintif-plaintif pada 18 Julai 2001. Defendan mendakwa saman minta arahan tersebut telah difailkan di luar tempoh satu bulan selepas pliding-pliding dalam tindakan berkenaan disifatkan sebagai ditutup munurut A 25 k 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'), tanpa sebarang lanjutan masa. Defendan juga mendakwa semasa menyerahkan saman minta arahan kepada defendan pada 29 Ogos 2001, plaintif-plaintif telah gagal menyerahkan notis menurut A 3 k 6 KMT memandangkan tarikh tersebut telah melebihi tempoh 12 bulan sejak prosiding terakhir dalam tindakan tersebut. Defendan juga mendakwa bahawa plaintif-plaintif telah gagal untuk menetapkan tindakan tersebut untuk perbicaraan selepas suatu jawapan telah diserahkan seperti yang ditetapkan di bawah A 34 k 7 KMT. Defendan memohon supaya writ saman dan penyata tuntutan plaintif-plaintif dibatalkan kerana ketiadaan pendakwaan.

Diputuskan, menolak permohonan defendan:

(1) Peruntukan A 3 k 6 KMT ada menyatakan bahawa sesuatu saman yang mengenainya tiada perintah telah dibuat bukanlah suatu prosiding bagi maksud kaedah itu. Dengan peruntukan tersebut bermakna tempoh setahun bagi maksud A 3 k 6 bukan bermula pada 11 April 2000 semasa saman minta arahan difailkan. Tempoh yang melebihi setahun daripada saman minta arahan difailkan hingga saman itu dikeluarkan oleh mahkamah dan diserahkan kepada defendan bukanlah merupakan kelewatan

yang disebabkan oleh plaintif-plaintif dan tidak boleh diambil kira untuk kegunaan A 3 k 6 KMT (lihat ms 147B–D).

(2) Tempoh satu bulan yang dimaksudkan di bawah A 25 k 1(1) KMT patut dikira daripada 2 Mac 2000 dan berakhir pada 2 April 2000. Oleh kerana saman minta arahan hanya difailkan pada 11 April 2000, ini bermakna terdapat kelewatan sepuluh hari bagi plaintif-plaintif memfaikan saman tersebut. Mahkamah berpuas hati bahawa tiada unsur-unsur 'kesengajaan' dan 'kedegilan' di dalam kelewatan tersebut. Kelewatan sepuluh hari tersebut tidak dianggap melampau dan boleh dimaafkan setelah menerima alasan-alasan yang diberikan oleh plaintif-plaintif. Kelewatan selama sepuluh hari itu juga tidak akan menimbulkan kesan risiko yang substantial yang akan mengakibatkan satu perbicaraan yang adil tidak dapat diadakan. Oleh yang demikian mahkamah berpuas hati dan memutuskan alasan defendan di bawah A 25 k 1(1) KMT dalam kes ini adalah tidak bermerit (lihat ms 147I–148A, C, F, 149C–E).

(3) Kelewatan sepuluh hari tersebut hanyalah merupakan satu luar aturan dan tidaklah membatalkan prosiding berkenaan atau membatalkan apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu. Kegagalan tersebut boleh diperbetulkan dengan budi bicara mahkamah di bawah A 2 k 1 KMT memandangkan tiada unsur-unsur prejudis yang akan atau telah dialami oleh defendan akibat kelewatan sepuluh hari itu (lihat ms 149E–F, I–150A).

(4) Peruntukan yang perlu dipertimbangkan ialah A 34 kk 7 dan 8 KMT (sebelum pindaan) sebab isu mengenai tempoh yang berkaitan yang membawa kepada hak defendan untuk memohon kepada mahkamah untuk membatalkan kes tersebut adalah melibatkan tempoh sebelum 22 September 2000. Di bawah k 8 defendan boleh memohon supaya sesuatu kes itu dibatalkan sekiranya plaintif gagal memberikan notis perbicaraan dalam masa enam minggu selepas masa dia pertama kali berhak memberikan notis tersebut di bawah k 7. Di dalam kes ini, pliding disifatkan tutup semasa plaintif-plaintif memfailkan jawapan kepada pembelaan defendan pada 2 Mac 2000. Ini bermakna plaintif-plaintif perlu memberikan notis perbicaraan pada atau sebelum 13 April 2000. Bagaimana pun, saman minta arahan hanya dikembalikan kepada plaintif-plaintif oleh mahkamah pada 18 Julai 2001. Dalam keadaan sedemikian adalah munasabah mengapa plaintif-plaintif tidak dapat memberikan notis perbicaraan dalam tempoh berkenaan (lihat ms 150D–G).

[English summary

The plaintiffs had filed a writ of summons and statement of claim against the defendant, inter alia, seeking an order of specific performance based on an oral agreement. The writ of summons had

A been served on the defendant who then filed a statement of defence. The plaintiffs (without legal aid) filed a reply to the statement of defence on 2 March 2000 and filed the summons for directions on 11 April 2000. The summons for directions was only issued by the court registry to the plaintiffs on 18 July 2001. The defendant submitted that the summons for directions had been filed more than
B one month after the pleadings in the action were deemed to be closed in accordance with O 25 r 1(1) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'), without any extension of time. The defendant also submitted that while serving the summons for directions on the defendant on 29 August 2001, the plaintiffs had failed to serve the
C notice pursuant to O 3 r 6 of the RHC in the light of the fact that the date had exceeded 12 months since the final proceeding in the action. The defendant also submitted that the plaintiffs had failed to fix the action for trial after a reply had been served as prescribed under O 34 r 7 of the RHC. The defendant prayed that the plaintiffs' writ of summons and statement of claim be struck out for want of
D prosecution.

Held, dismissing the defendant's application:

(1) The provision of O 3 r 6 of the RHC states that a summons in respect of which no order had been made is not a proceeding
E within the meaning of that rule.The provision means that the one-year period within the meaning of O 3 r 6 does not commence on 11 April 2000 when the summons for directions was filed. The period exceeding a year from the time the summons for directions was filed until the summons was issued by the court and served on the defendant was not a delay caused by the plaintiffs and
F could not be taken into consideration for the purpose of O 3 r 6 of the RHC (see p 147B–D).

(2) The one-month period indicated under O 25 r 1(1) of the RHC ought to be computed beginning 2 March 2000 and ending on 2 April 2000. As the summons for directions was only filed on
G 11 April 2000, this meant there was a delay of ten days by the plaintiffs in filing the summons. The court was satisfied there was no element of 'wilfulness' or 'obstinacy' in the delay. The delay of ten days was not deemed inordinate and could be forgiven after having accepted the grounds given by the plaintiffs. The delay of ten days also would not result in a substantial risk causing
H prejudice to a fair trial. Therefore, the court was satisfied and held that the defendant's grounds under O 25 r 1(1) of the RHC in this case were without merit (see pp 147I–148A, C, F, 149C–E).

(3) The delay of ten days was merely an irregularity and did not nullify the relevant proceedings or nullify any steps that may have
I been taken in the proceedings. The failure could be rectified at the court's discretion under O 2 r 1 of the RHC in light of the fact that there were no prejudicial elements that might be or had been

suffered by the defendant in consequence to the ten day delay (see pp 149E–F, I–150A). A

(4) The provision meriting consideration was O 34 rr 7 and 8 of the RHC (pre-amendment) because issues concerning the relevant period leading to the defendant's right to apply to court to have the case struck out involved a time frame before 22 September 2000. Under r 8, the defendant may apply to have a case struck out if the plaintiff fails to provide a notice of trial within six weeks after he first becomes entitled to give the notice under r 7. In this case, the pleading was deemed closed when the plaintiffs filed a reply to the defendant's defence on 2 March 2000. This meant the plaintiffs were required to give a notice of trial on or before 13 April 2000. In any event, the court only returned the summons for directions to the plaintiffs on 18 July 2001. Under the circumstances, it was understandable why the plaintiffs could not furnish the notice of trial within the relevant time frame (see p 150D–G).] B C D

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kelewatan dalam membuat permohonan untuk saman minta arahan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 6258–6259. E

Kes-kes yang dirujuk

Allen v Sir Alfred McAlpine & Sons Ltd [1968] 2 QB 229 (dirujuk)
Bank Bumiputra (M) Bhd v Syarikat Gunong Tujoh Sdn Bhd & Ors [1990] 1 MLJ 298 (dirujuk) F
Barclay Davit Co Ltd v Taylor & Sons [1946] 2 All ER 41 (dirujuk)
Birkett v James [1978] 2 All ER 801 (dirujuk)
Datuk Samy Vellu v Karpal Singh [1989] 3 MLJ 493 (dirujuk)
Gian Singh & Co Ltd v Super Services [1965] 1 MLJ 256 (dirujuk)
Leong Seng Kiat v Law Peng Guan & Ors [1992] 2 CLJ 825 (dirujuk)
Mundy v The Butterfly Co Ltd [1932] 2 Ch 227 (dirujuk) G
Houlston v Woodall (1884) 78 LTJ 113 (dirujuk)
Taylor v Roe (1893) 62 LJ Ch 391 (dirujuk)
Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow [1982] 1 MLJ 152 (dirujuk)
Vasudevan v T Damodaran & Anor [1981] 2 MLJ 150 (dirujuk)

H

Undang-undang yang dirujuk

Arahan Amalan Bil 1/2001
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 1, A 3 k 6, A 18 k 20, A 19 k 1, A 24 k 16(1), A 25 k 1(1), A 34 kk 7, 8, A 92 k 3B

Jasmin Salleh (*Harbans Wan Salina SS Gill & Go*) bagi pihak plaintif-plaintif. I

Anthony M Sebastian (*Anthony M Sebastian*) bagi pihak defendan.

Ramli Ali PK: Melalui satu saman dalam kamar bertarikh 4 September 2000 (kandungan 33), defendan memohon supaya writ saman terpinda bertarikh 13 Januari 2000 dan penyataan tuntutan terpinda bertarikh 6 Januari 2000 yang difailkan oleh plaintif-plaintif dibatalkan kerana ketiadaan pendakwaan. Alasan-alasan permohonan tersebut adalah:

(i) bahawa plaintif-plaintif telah gagal menyerahkan apa-apa notis niat untuk meneruskan prosiding ini seperti yang dikehendaki oleh A 3 k 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') walaupun lebih daripada satu tahun telah berlalu sejak pliding-pliding ditutup;

(ii) bahawa plaintif-plaintif telah gagal mengambil saman minta arahan ('SMA'), menurut A 25 k 1(1) KMT dalam masa yang ditetapkan; dan

(iii) bahawa plaintif-plaintif telah gagal untuk menetapkan perkara ini untuk perbicaraan menurut A 34 kk 7 dan 8 KMT setelah pliding-pliding ditutup.

Fakta kes

Plaintif pertama telah memfailkan writ saman dan penyata tuntutan terhadap defendan pada 28 Oktober 1999. Pada 13 Januari 2000, writ saman dan penyata tuntutan tersebut telah dipinda dengan memasukkan plaintif kedua sebagai plaintif dan meminda beberapa penyataan di dalam penyata tuntutan. Penyata tuntutan terpinda tersebut di antara lain memohon perintah perlaksanaan spesifik berdasarkan satu perjanjian lisan dan juga satu deklarasi bahawa nama plaintif pertama didaftarkan sebagai pemilik 25% bahagian tak pecah di dalam beberapa bidang hartanah yang disenaraikan. Writ saman terpinda dan penyata tuntutan terpinda tersebut telah diserahkan kepada defendan dan pada 2 Februari 2000 defendan telah memfailkan memorandum kehadiran. Pada 18 Februari 2000, defendan telah memfailkan penyata pembelaan. Selepas itu plaintif-plaintif (tanpa khidmat peguam) telah memfailkan Jawapan plaintif-plaintif kepada penyata pembelaan defendan pada 2 Mac 2000. Selepas itu, juga secara sendiri tanpa khidmat peguam, plaintif-plaintif telah memfailkan saman minta arahan di bawah A 25 k 1 KMT pada 11 April 2000 (kandungan 24). Malangnya saman minta arahan tersebut telah terpendam sekian lama di dalam pendaftar mahkamah dan hanya dikeluarkan semula kepada plaintif-plaintif pada 18 Julai 2001, dimana tarikh untuk pendengaran saman minta arahan tersebut telah ditetapkan di hadapan penolong kanan pendaftar ('PKP') pada 6 September 2001, dan kemudiannya ditunda kepada 18 Oktober 2001.

Pada 29 Ogos 2001, Tetuan Harbans, Wan Salina, SS Gill & Co, bagi pihak plaintif-plaintif telah menyerahkan satu salinan notis perlantikan peguamcara bertarikh 27 Ogos 2001 dan juga menyertakan satu salinan saman minta arahan tersebut.

Dakwaan defendan

Berdasarkan kronologi di atas, defendan mendakwa saman minta arahan tersebut (yang difailkan pada 11 April 2000) telah difailkan di luar tempoh satu bulan selepas pliding-pliding dalam tindakan berkenaan disifatkan

sebagai ditutup menurut A 25 k 1(1) KMT, tanpa sebarang lanjutan masa. Defendan juga mendakwa semasa menyerahkan saman minta arahan kepada defendan pada 29 Ogos 2001, plaintif-plaintif telah gagal menyerahkan notis menurut A 3 k 6 KMT memandangkan tarikh tersebut telah melebihi tempoh 12 bulan (satu tahun) sejak prosiding terakhir di dalam tindakan tersebut. Defendan juga mendakwa bahawa plaintif-plaintif telah gagal untuk menetapkan tindakan tersebut untuk perbicaraan selepas suatu jawapan telah diserahkan seperti yang ditetapkan di bawah A 34 k 7 KMT.

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang berkaitan

Defendan telah berlandaskan permohonannya untuk membatalkan writ saman terpinda dan penyata tuntutan terpinda mengikut kaedah-kaedah berikut:

(i) A 3 k 6 KMT;

(ii) A 25 k 1(1) KMT; dan

(iii) A 34 k 7 dan 8 KMT.

Aturan 3 k 6 KMT memperuntukkan:

> Jika setahun atau lebih telah berlalu sejak prosiding terakhir mengenai sesuatu kausa atau perkara, maka pihak yang berhasrat meneruskan tindakan mestilah memberi kepada tiap-tiap pihak yang lain tidak kurang daripada sebulan notis tentang cadangannya hendak meneruskan tindakan.
>
> Suatu saman yang mengenainya tiada perintah telah dibuat bukanlah suatu prosiding bagi maksud kaedah ini.

Aturan 25 k 1(1) KMT pula memperuntukkan:

> (1) Dengan tujuan mengadakan, dalam tiap-tiap tindakan yang kaedah ini terpakai baginya, suatu masa bagi mahkamah mempertimbangkan persediaan-persediaan bagi perbicaraan tindakan itu, supaya :
>
> (a) ...
>
> (b) ...
>
> Plaintif mestilah, *dalam masa satu bulan selepas pliding dalam tindakan itu disifatkan tutup*, mengambil saman dalam Borang 46 (dalam kaedah kaedah ini disebut saman minta arahan) yang boleh dikembalikan dalam masa tidak kurang daripada 14 hari.

Sehubungan dengan itu, A 25 k 1(4) dan (5) KMT pula memperuntukkan:

> (4) Jika plaintif tidak mengambil saman minta arahan mengikut peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas dalam kaedah ini, maka defendan itu atau mana-mana defendan boleh berbuat demikian atau memohon suatu perintah untuk membuang tindakan itu.
>
> (5) Atas permohonan oleh defendan untuk membuang tindakan di bawah perenggan (4), mahkamah boleh sama ada membuang tindakan itu atas apa-apa terma sebagaimana yang adil atau menguruskan permohonan itu seolah-olah ia adalah saman minta arahan.

A Aturan 34 kk 7 dan 8 KMT yang dirujuk oleh defendan sebenarnya telah pun dimansuhkan dan digantikan dengan A 34 KMT yang baru keseluruhannya melalui PU (A) 342/2000 yang mula berkuatkuasa pada 22 September 2000. Walau bagaimanapun, peguam defendan menghujahkan memandangkan saman minta arahan telah difailkan oleh plaintif-plaintif sebelum 22 September 2000 maka defendan perlu merujuk kepada
B A 34 kk 7 dan 8 KMT seperti yang berkuatkuasa sebelum pindaan pada 22 September 2000 (Saya akan menyentuh perkara ini kemudian).

Oleh itu, adalah perlu diperingkat ini untuk meneliti peruntukan A 34 k 7 KMT (sebelum pindaan) yang memperuntukkan seperti berikut:

C
> Notis perbicaraan boleh diberi oleh plaintif atau pihak lain dalam kedudukan plaintif pada bila-bila masa selepas suatu jawapan telah diserahkan atau selepas masa penyerahan suatu jawapan telah tamat tempohnya.

Aturan 34 k 8 KMT pula memperuntukkan jika plaintif gagal memberikan notis perbicaraan di bawah k 7 di atas, dalam masa enam minggu selepas masa dia pertama kali berhak memberikan notis tersebut, defendan boleh
D memohon kepada mahkamah untuk membuang tindakan tersebut kerana ketiadaan pendakwaan; dan setelah mendengar permohonan tersebut, mahkamah boleh memerintahkan supaya tindakan itu dibuang dengan sewajarnya, atau boleh membuat apa-apa perintah lain dan atas apa-apa terma, yang difikirkan adil.

E *Kedudukan undang-undang yang terpakai*

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mengandungi beberapa peruntukan yang membenarkan sesuatu tindakan boleh dibuang atau dibatalkan kerana ketiadaan pendakwaan. Antaranya ialah A 19 k 1 KMT (keingkaran menyampaikan penyata tuntutan); A 24 k 16(1) (kegagalan
F untuk mematuhi kehendak-kehendak penzahiran); dan A 25 k 1(4) KMT (kegagalan meminta saman minta arahan). Selain daripada kaedah-kaedah tersebut, mahkamah juga mempunyai kuasa-kuasa sedia ada (inherent power) untuk membuang atau membatalkan sesuatu tindakan kerana ketiadaan pendakwaan atas alasan kegagalan plaintif mematuhi kaedah-
G kaedah yang ditetapkan ataupun atas alasan kelewatan yang melampau (inordinate delay) (lihat kes-kes *Allen v Sir Alfred McAlpine & Sons Ltd* [1968] 2 QB 229; *Birkett v James* [1978] 2 All ER 801; *Vasudevan v T Damodaran & Anor* [1981] 2 MLJ 150 (FC); dan *Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152 (FC). Pada dasarnya, prinsip-prinsip perundangan yang dipakai, sama ada kuasa tersebut datangnya daripada
H peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah secara ekspres mahupun datangnya daripada kuasa-kuasa sedia ada (inherent power), adalah sama. Perkara ini pernah diputuskan oleh Lim Beng Choon H dalam kes *Datuk Samy Vellu v Karpal Singh* [1989] 3 MLJ 493. Begitu juga dengan komentari di dalam *Malaysian High Court Practice* 1998 Desk Edition, Vol 1 di ms 1201, perenggan 25. Prinsip undang-undang yang berkaitan telah
I mula diputuskan secara nyata di dalam kes *Allen v Sir Alfred McAlpine & Son Ltd* dan seterusnya disahkan dan diterimapakai di dalam kes *Birkett v James* oleh House of Lords di England. Prinsip tersebut telah diikuti dan

diterimapakai di negara ini melalui kes-kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Vasudevan v T Damodaran*, dan *Toh Hock Thye & Ors v Tan Chwee Biow*. Mengikut prinsip-prinsip tersebut sesuatu tindakan boleh dibuang atau dibatalkan hanya dalam salah satu keadaan-keadaan berikut:

(i) sekiranya kegagalan berkenaan dilakukan dengan sengaja (intentional) dan kedegilan (contumelious) di mana terdapatnya tingkah laku ketidakpatuhan (disobedience) terhadap perintah muktamad (peremptory order) mahkamah ataupun tingkah laku yang merupakan penyalahgunaan proses mahkamah (an abuse of the process of the court); *atau*

(ii) bila terdapat kelewatan yang melampau (inordinate delay) dan tidak boleh dimaafkan (inexcusable) di dalam pendakwaan tindakan berkenaan, di mana:

(a) kesannya akan menimbulkan risiko yang substansial bahawa satu perbicaraan yang adil tidak akan dapat dilaksanakan; *atau*

(b) berkemungkinan akan mengakibatkan prejudis yang serius kepada defendan.

Untuk mendapatkan perintah-perintah yang dipohon, defendan perlu memuaskan mahkamah, melalui keterangan afidavit sokongan, terhadap salah satu daripada syarat-syarat (i) dan (ii) di atas. Sekiranya permohonan dibuat berdasarkan syarat (ii) di atas, defendan perlu membuktikan wujudnya salah satu kesan-kesan (a) atau (b) seperti dinyatakan didalamnya.

Alasan-alasan permohonan defendan

Aturan 3 k 6 KMT

Writ saman dan penyata tuntutan yang asal telah difailkan pada 28 Oktober 1999. Pindaan dibuat pada 13 Januari 2000. Defendan telah memfailkan penyata pembelaan pada 18 Februari 2000.

Pada 13 Januari 2000 plaintif-plaintif telah mernfailkan notis untuk bertindak secara sendiri tanpa khidmat peguam (kandungan 9). Pada 2 Mac 2000 plaintif-plaintif secara sendiri telah memfailkan jawapan plaintif-plaintif kepada pembelaan defendan. Saman minta arahan difailkan pada 11 April 2000 (kandungan 24). Tetapi saman minta arahan tersebut hanya dikembalikan oleh pendaftar mahkamah kepada plaintif-plaintif pada 18 Julai 2001 (mengikut memo mahkamah). Tempoh setahun yang dimaksudkan oleh A 3 k 6 KMT ialah 'sejak prosiding terakhir' mengenai tindakan berkenaan. Apakah yang dikatakan 'prosiding terakhir' bagi maksud kes ini? Peguam defendan, di dalam hujahannya mengatakan 'prosiding terakhir' yang dimaksudkan adalah merujuk kepada tindakan plaintif-plaintif memfailkan saman minta arahan pada 11 April 2000 dan ianya telah melebihi satu tahun bila saman minta arahan tersebut diserahkan kepada defendan pada 29 Ogos 2001. Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan tersebut. Terdapat banyak autoriti yang mengatakan 'prosiding' adalah merupakan satu tindakan untuk meneruskan sesuatu litigasi ke arah menyelesaikan litigasi tersebut melalui

perbicaraan dimana tindakan tersebut merupakan satu tindakan formal (lihat kes-kes *Gian Singh & Co Ltd v Super Services* [1965] 1 MLJ 256; *Mundy v The Butterfly Co Ltd* [1932] 2 Ch 227; *Barclay Davit Co Ltd v Taylor & Sons* [1946] 2 All ER 41). Di dalam kes *Houlston v Woodall* (1884) 78 LTJ 113; dan *Taylor v Roe* (1893) 62 LJ Ch 391 seperti yang dirujuk didalam *Malaysian High Court Practice* 1998 Desk Edition, Vol 1, ms 34 di perenggan 362) 'prosiding terakhir' merujuk kepada prosiding interlokutori yang terakhir yang diambil oleh sesuatu pihak di dalam sesuatu tindakan litigasi. Walau bagaimanapun, peruntukan A 3 k 6 KMT itu sendiri ada menyatakan secara ekspres bahawa 'sesuatu saman yang mengenainya tiada perintah telah dibuat bukanlah suatu prosiding bagi maksud kaedah itu.' Dengan peruntukan tersebut, ini bermakna tempoh setahun (bagi maksud A 3 k 6 KMT) bukan bermula pada 11 April 2000 semasa saman minta arahan difailkan (seperti yang dihujahkan oleh peguam defendan). Walaupun tindakan memfailkan saman minta arahan itu merupakan satu langkah formal untuk tujuan perbicaraan dan penyelesaian kes berkenaan, namun demikian ianya tidak dianggap sebagai 'prosiding' bagi maksud A 3 k 6 KMT kerana tiada perintah telah dibuat oleh mahkamah terhadapnya. Oleh itu, tempoh yang melebihi setahun daripada saman minta arahan difailkan pada 11 April 2000 hingga saman tersebut dikeluarkan oleh mahkamah pada 18 Julai 2001 dan diserahkan kepada defendan pada 29 Ogos 2001 bukanlah merupakan kelewatan yang disebabkan oleh plaintif-plaintif dan tidak boleh diambil kira untuk kegunaan A 3 k 6 KMT. Peguam defendan menyalahkan plaintif-plaintif kerana berdiam diri begitu lama kerana tidak menghantar 'peringatan' atau membuat 'inquiry' ke mahkamah tentang kedudukan saman minta arahan yang telah difailkan. Saya berpendapat kegagalan tersebut tidak mencukupi untuk mahkamah menggunakan (invoke) A 3 k 6 KMT seperti yang didakwa oleh defendan.

Aturan 25 k 1(1) KMT

Aturan 25 k 1(1) KMT menetapkan supaya plaintif mestilah, dalam masa satu bulan selepas pliding dalam tindakan itu disifatkan tutup, mengambil saman minta arahan dalam Borang 46 yang boleh dikembalikan dalam masa tidak kurang daripada 14 hari. Bilakah 'pliding' di dalam sesuatu tindakan disifatkan tutup? Mengikut A 18 k 20 KMT, pliding di dalam sesuatu tindakan adalah disifatkan tertutup:

> (a) apabila tamatnya tempoh 14 hari selepas penyampaian jawapan atau jika tidak ada jawapan tetapi hanya pembelaan kepada tuntutan balas, selepas penyampaian pembelaan kepada tuntutan balas itu; atau
>
> (b) jika jawapan dan juga pembelaan kepada tuntutan balas itu tidak disampaikan, apabila tamatnya tempoh 14 hari selepas penyampaian pembelaan itu.

Di dalam kes ini, jawapan plaintif-plaintif kepada pembelaan defendan telah difailkan pada 2 Mac 2000. (Kes ini tidak melibatkan sebarang tuntutan balas). Oleh yang demikian, tempoh satu bulan yang dimaksudkan di bawah A 25 k1 (1) KMT patut dikira daripada 23 Mac 2000 dan berakhir

pada 2 April 2000. Oleh kerana saman minta arahan hanya difailkan pada 11 April 2000, ini bermakna terdapat kelewatan sepuluh hari bagi plaintif-plaintif memfailkan saman tersebut. Ini diakui oleh plaintif-plaintif. Apakah kelewatan ini merupakan kelewatan yang disengajakan (intentional) dan berpunca daripada sikap kedegilan (contumelious) bagi pihak plaintif-plaintif. Defendan, di dalam afidavit sokongannya tidak sama sekali menimbulkan unsur-unsur 'kesengajaan' dan 'kedegilan' bagi pihak plaintif-plaintif didalam menyebabkan kelewatan sepuluh hari tersebut. Sebaliknya plaintif-plaintif, di dalam afidavit jawapan mereka (kandungan 35) telah menyatakan bahawa kelewatan itu tidak disengajakan tetapi adalah kerana mereka tidak begitu arif dengan peruntukan-peruntukan dan kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi kerana pada masa itu mereka hanya bertindak sendiri tanpa khidmat peguam. Dalam keadaan kes ini, Mahkamah menerima penjelasan tersebut dan berpuashati tiada unsur-unsur 'kesengajaan' dan 'kedegilan' didalam kelewatan tersebut. Tiada sebarang bukti yang menunjukkan sikap kedegilan (contumelious) oleh plaintif-plaintif. Tiada bukti yang menunjukkan plaintif-plaintif, didalam kelewatan tersebut telah bertindak tidak mematuhi sebarang perintah muktamad (peremptory order) mahkamah atau pun sebarang tingkah laku yang merupakan penyalahgunaan proses mahkamah (an abuse of the process of the court).

Seterusnya mahkamah perlu menimbangkan sama ada terdapat kelewatan yang melampau (inordinate delay) dan tidak boleh dimaafkan (inexcusable) yang dilakukan oleh plaintif-plaintif. Kelewatan yang terjadi hanya sepuluh hari.

Perkataan 'inordinate delay' telah ditaksirkan sebagai 'materially longer than the time usually regarded by the profession and courts as an acceptable period,' di dalam kes-kes *Birkett v James* dan *Leong Seng Kiat v Law Peng Guan & Ors* [1992] 2 CLJ 825. Melampau atau tidaknya sesuatu kelewatan adalah bergantung kepada fakta dan hal keadaan sesuatu kes. Bagi kes ini saya berpendapat bahawa kelewatan sepuluh hari tersebut tidak dianggap melampau dan boleh dimaafkan, setelah menerima alasan-alasan yang diberikan oleh plaintif-plaintif di dalam afidavit mereka.

Defendan juga mendakwa kelewatan tersebut telah menjejaskan dan memprejudiskan kepentingannya di dalam kes tersebut, kerana susah untuk memanggil saksi-saksi penting, seorang daripadanya adalah penjual harta tersebut En Sivasubramaniam a/l Ponniah seorang tua dan menetap di Sri Lanka.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kelewatan yang disebabkan oleh plaintif-plaintif hanyalah sepuluh hari sahaja. Kelewatan yang melebihi setahun adalah kelewatan pendaftar mahkamah di dalam mengeluar dan memulangkan semula saman minta arahan berserta dengan tarikh pendengarannya. Ianya diluar kawalan plaintif-plaintif. Oleh itu, bagi maksud alasan ini, adakah kelewatan sepuluh hari tersebut boleh menjejaskan dan memprejudiskan defendan seperti didakwa olehnya. Di dalam afidavit sokongannya (perenggan-perenggan 11 dan 12), defendan menyatakan:

A

11 Akibat kegagalan untuk mematuhi kaedah-kaedah mahkamah, plaintif-plaintif telah menyebabkan kelewatan yang serius. Mereka juga menjejaskan saya dengan menyerahkan satu saman minta arahan yang dikatakan yang mana tidak menyatakan apakah arahan-arahan yang diminta. Penyerahan singkat dokumen tersebut juga menjejaskan saya oleh kerana peguamcara saya tidak diberi masa yang cukup untuk membalas.

B

12 Kegagalan untuk menetapkan perkara tersebut untuk perbicaraan juga menjejaskan saya kerana ia adalah susah untuk saya memanggil saksi-saksi penting, seorang daripadanya ialah penjual harta tersebut, En Sivasubramaniam a/l Ponniah seorang tua dan menetap di Sri Lanka.

C

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kelewatan sepuluh hari yang disebabkan oleh plaintif-plaintif tidak dianggap 'melampau (inordinate)' dan oleh itu tidak serius. Unsur-unsur 'prejudis' yang ditimbulkan oleh defendan, terutamanya tentang kandungan serta serahan singkat saman minta arahan berkenaan adalah tidak relevan untuk pertimbangan sama ada kelewatan tersebut telah memprejudiskan defendan. Kelewatan sepuluh

D

hari itu juga tidak akan menimbulkan kesan risiko yang substansial yang akan mengakibatkan satu perbicaraan yang adil (fair trial) tidak dapat diadakan. Kesusahan untuk mendapatkan saksi-saksi sebab kelewatan sepuluh hari tidak mencukupi untuk menyokong hujahan defendan mengenai perkara itu. Oleh yang demikian, mahkamah berpuas hati dan memutuskan alasan defendan di bawah A 25 k 1 (1) KMT 1980 dalam kes

E

ini adalah tidak bermerit dan tidak dapat diterima oleh mahkamah.

Kelewatan sepuluh hari tersebut adalah tidak serious dan tidak melampau. Kelewatan tersebut hanyalah merupakan suatu 'luar aturan' (irregularity). Mengikut A 2 k 1 KMT 1980, kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak kaedah-kaedah itu, sama ada berkenaan dengan masa,

F

tempat, cara, bentuk atau isi kandungan atau dalam apa-apa jua segi lain, hendaklah dikira sebagai 'luar aturan (irregularity)' dan ia tidaklah membatalkan prosiding berkenaan atau membatalkan apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu. Kegagalan tersebut boleh diperbetulkan (curable) dengan budi bicara mahkamah di bawah A 2 k 1 KMT 1980. Di dalam melaksanakan budi bicara tersebut, mahkamah perlu berpuas hati

G

bahawa kegagalan tersebut tidak mengakibatkan prejudis kepada pihak defendan. Di dalam *Malaysian High Court Practice* 1998 Desk Edition, Vol 1 di ms 7–8 ada dinyatakan:

> In exercising its discretion, the court will take into account whether the other party has suffered prejudice as a direct consequence of the irregularity, but the

H

> rule is so framed as to give the court the widest possible power to do justice. Hence, prejudice or lack of prejudice, although after the all important factor in the exercise of the discretion, is not always the only relevant factor.

Pendapat tersebut telah diikuti dan diterimapakai oleh Haidar H di dalam

I

kes *Bank Bumiputra (M) Bhd v Syarikat Gunong Tujoh Sdn Bhd & Ors* [1990] 1 MLJ 298. Di dalam kes sekarang, mahkamah bersedia memperbetulkan kegagalan tersebut di bawah A 2 k 1 KMT memandangkan tiada unsur-unsur prejudis yang akan atau telah dialami

oleh defendan akibat kelewatan sepuluh hari itu. Adalah sangat tidak adil bagi plaintif-plaintif sekiranya tuntutan mereka dibuang dan dibatalkan semata-mata kerana terlewat sepuluh hari memfailkan saman minta arahan dalam hal keadaan kes ini.

Aturan 34 kk 7 dan 8 KMT 1980

Peguam defendan menyedari bahawa keseluruhan A 34 KMT telah dipinda dan digantikan dengan peruntukan yang baru melalui PU (A) 342/2000 yang mula berkuatkuasa pada 22 September 2000. Dengan pindaan tersebut, peruntukan yang serupa dengan kk 7 dan 8 sudah dimansuhkan. saman dalam kamar (kandungan 33) yang berkenaan dengan permohonan ini telah difailkan oleh defendan pada 4 September 2001. Namun demikian, peguam defendan menghujahkan permohonan ini boleh dibuat di bawah A 34 kk 7 dan 8 KMT (sebelum pindaan) kerana saman minta arahan yang difailkan oleh plaintif-plaintif, telah difailkan pada 11 April 2000 iaitu sebelum kaedah tersebut dipinda pada 22 September 2000. Dalam hal ini, mahkamah bersetuju peruntukan yang perlu dipertimbangkan ialah A 34 kk 7 dan 8 (sebelum pindaan) sebab isu mengenai tempoh yang berkaitan yang membawa kepada hak defendan untuk memohon kepada mahkamah untuk membuang dan membatalkan kes tersebut adalah melibatkan tempoh sebelum 22 September 2000. Aturan 34 k 7 KMT membenarkan plaintif untuk memberikan notis perbicaraan pada bila-bila masa selepas suatu jawapan telah diserahkan atau selepas masa penyerahan suatu jawapan telah tamat tempohnya. Di bawah k 8 pula, defendan boleh memohon supaya sesuatu kes itu dibuang dan dibatalkan sekiranya plaintif gagal memberi notis perbicaraan dalam masa enam minggu selepas masa dia pertama kali berhak memberi notis tersebut di bawah k 7. Di dalam kes ini, pliding disifatkan tutup semasa plaintif-plaintif memfailkan Jawapan plaintif-plaintif kepada pembelaan defendan pada 2 Mac 2000. Ini bermakna plaintif-plaintif perlu memberikan notis perbicaraan pada atau sebelum 13 April 2000 (enam minggu daripada 2 Mac 2000). Pada masa itu plaintif-plaintif telah pun memfailkan saman minta arahan (pada 11 April 2000) dan Saman tersebut hanya dikembalikan oleh mahkamah pada 18 Julai 2001. Dalam keadaan sedemikian adalah munasabah mengapa plaintif-plaintif tidak dapat memberikan notis perbicaraan dalam tempoh berkenaan. Kalau pun kelewatan tersebut hendak diambil kira oleh defendan untuk menyokong permohonannya, mahkamah berpuashati dan berpendapat bahawa kelewatan tersebut boleh dimaafkan (excusable) dan boleh diperbetulkan di bawah A 2 k 1 KMT. Unsur-unsur prejudis yang dikatakan oleh defendan di dalam perenggan-perenggan 11 dan 12, afidavit sokongannya, adalah tidak berkaitan dan tidak diakibatkan oleh kelewatan tersebut.

Keputusan dan arahan mahkamah

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah berpuas hati dan memutuskan bahawa permohonan defendan di dalam saman dalam kamar (kandungan 33) adalah ditolak dengan kos.

A Mahkamah mengambil maklum bahawa saman minta arahan (kandungan 24) yang difailkan oleh plaintif-plaintif di bawah A 25 k 1 KMT, telah ditetapkan untuk pendengaran di hadapan PKP pada 6 September 2001 dan telah ditangguhkan kepada 18 Oktober 2001 oleh kerana terdapatnya permohonan defendan untuk membatalkan tuntutan plaintif-plaintif seperti di kandungan 33. Sehubungan dengan itu, B mahkamah ingin merujuk kepada satu Arahan Amalan Bil 1/2001 mengenai penangguhan pemakaian A 25 KMT bertarikh 7 Jun 2001 yang dikeluarkan oleh YAA Hakim Besar Malaya di dalam menjalankan kuasa-kuasanya di bawah A 92 k 3B KMT yang mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Mengikut arahan amalan tersebut, pemakaian A 25 KMT adalah digantung C sehingga satu keputusan mengenai kajian terhadap Aturan tersebut dibuat. Dengan penggantungan tersebut, ini bermakna A 25 tidak lagi digunakan sebaliknya A 34 (pindaan) KMT hendaklah digunakan keseluruhannya di dalam pengurusan kes. Oleh yang demikian, mahkamah memerintahkan agar saman dalam kamar (kandungan 24) yang masih belum diputuskan oleh PKP dibatalkan pendengarannya dan plaintif-plaintif diarahkan untuk D mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengendalikan pengurusan kes (pre-trial case management) di bawah A 34 (pindaan) KMT, dalam tempoh 14 hari dan hari ini (19 September 2001).

Permohonan defendan ditolak.

E Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

F

G

H

I